Umat Islam harus menggunakan kompas bagi mengenal pasti arah kiblat jika berasa was-was dengan panduan menerusi telefon bimbit. Ia kaedah paling sesuai bagi menentukan arah kiblat berbanding menggunakan peralatan moden lain.

"*Mungkin masalah **panduan arah kiblat dalam telefon bimbit hanya membabitkan sudut teknikal,** termasuk kesilapan menentukan sudut darjah ketika menggunakan aplikasi berkenaan*"

Mungkin masalah panduan arah kiblat dalam telefon bimbit hanya membabitkan sudut teknikal, termasuk kesilapan menentukan sudut darjah ketika menggunakan aplikasi berkenaan.

Bagaimanapun, jika ada pihak ragu berhubung ketepatan arah kiblat dalam telefon bimbit itu dan mahu membuat aduan rasmi mengenainya, boleh melaporkan terus kepada Bahagian Pengurusan Fatwa, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) supaya tindakan boleh diambil.

**Prof Emeritus**
**Tan Sri Dr Abdul Shukor Husin**
Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan